



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

Assalamualaikum wa RahmatuLlah. Auzubillahi minasy-syaitanir rajim
BismillahirRahmanirRahim. Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidil awwalin wal
akhirin. Madad Ya Rasulullah, Madad ya Sadati Ashabi Rasulullah, Madat ya Masyaikhina, Shaykh
Abdullah Daghistani, Shaykh Muhammad Nazim Al Hakkani, dastur.
Tarikatunas sohba wal khayru fi jamiyya.

REQUIREMENT OF KHALWAT KEPERLUAN KHALWAT

InshaAllah, bulan Rejab akan bermula esok selepas Asar, pada waktu malam. Seperti anda semua sedia dimaklumkan, inshaAllah, kita akan lakukan khalwat (pengasingan) pada bulan Rejab ini pada tahun ini. Ramai orang bertanya, "Apakah yang harus kita lakukan?" kerana terdapat khalwat (separa bahagian) dan sesiapa yang berhajat pun boleh melakukannya. Niatnya adalah sama : hanya untuk/ demi Allah ﷻ, untuk Nabi Muhammad ﷺ dan untuk melatih ego kita. Anda harus berniat untuk mematuhi perintah Allah ﷻ selama empat puluh hari dalam khalwat dan mengasingkan diri dari orang. Nabi kita ﷺ bersabda, "Hikmah/Kebijaksanaan berpercikan di dalam hati manusia yang berpegang teguh dengan keikhlasan selama empat puluh hari." Semoga yang baik (khair) dirahmati ke atas kita semua, inshaAllah.

Perkara yang pertama yang harus kita lakukan pada hari bermulanya khalwat adalah untuk melakukan ghusl dan niatnya hanya untuk Allah ﷻ. Ketika meminta keizinan Allah ﷻ dan Rasulullah ﷺ, kita akan buat niat untuk khalwat (pengasingan) selama empat puluh hari. Kita buat niat ini selepas tamatnya prosedur ghusl, kemudian ucapkan Basmala (Bismillahir Rahmanir Rahim) dan inshaAllah bermulalah tugas tersebut. Tugas-tugas ini dilakukan pada waktu malam. Biasanya, kita solat Salat Awwabin enam rakaat sahaja. Tetapi disebabkan khalwat, lakukan Salat Awwabin dua puluh rakaat. Setelah selesaikan tugas-tugas ini, pergilah tidur selepas solat Isha', kemudian anda bangun pada waktu Tahajjud. Mandi sunat harus dilakukan. Namun, ada kalanya anda tidak dapat melakukannya, tidak mengapa. Anda boleh ambil wudu', lakukan semua solat sunat sebelum solat Subuh, tasbehat (zikir) dan bacalah Al-Quran hinggalah azan Subuh berkumandang.

Satu ribu Basmala harus diucapkan setelah solat Subuh hinggalah terbitnya matahari (Ishraq). Solat Ishraq harus dilaksanakan, diikuti dengan bacaan Surah An'am. Ini harus dilakukan selama empat puluh hari berturut-turut. Semoga Allah menerima ibadah ini. Sesiapa yang tidak boleh/tidak dapat membaca Surah An'am pada waktu pagi boleh melakukannya pada waktu tengahari/petang. Kemudian, anda harus solat Salat Duha. Salat Duha harus dilakukan sebanyak dua belas rakaat. Anda boleh berehat untuk seketika setelah Duha dan kemudian anda bangun.

Seseorang yang akan lakukan khalwat sepenuh masa perlu membaca satu hingga lapan juz' Al Quran sehingga terbenam matahari (maghrib). Dan Dalail-ul-khayrat tidak boleh dibaca menurut

bacaan harian tetapi harus mengikut tertib bab/seksyen tersebut yang bermula dengan Seksyen Pertama, Kedua...Begitulah ia harus dibaca. Zikir Allah (Lafda-e Jalal) bermula dari sepuluh ribu hinggalah sampai

SOHBAH OLEH

HADIRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

ke tahap keupayaan anda. Sepuluh ribu melalui lidah dan sepuluh ribu melalui hati. Selawat Sharif bermula dari lima ribu dan Lafda-eJalal bermula dari sepuluh ribu. Mereka boleh lakukan seberapa banyak yang mereka boleh pada hari tersebut. Mereka akan berterusan meningkat (amalan mereka) melalui cara ini inshaAllah, dan pada akhir khalwat, amalan ini akan berkurangan dan kita akan membawanya ke tahap normal (biasa) inshaAllah. Dan seribu Surah Al-Ikhlâs setiap hari. Dan untuk Ayatul Kursi, sesiapa yang boleh membacanya, boleh lakukan dari seratus hingga ke seribu kali. Sesiapa yang tidak mampu boleh lakukannya sekurang-kurangnya seratus kali bacaan Ayatul Kursi. Jika mengalami sesuatu pengalaman atau sesuatu kelihatan (zuhurat) kebenaran di beri untuk menulis nya. Inilah tugas tugas kita.

Seperti kita katakan, khalwat ini boleh dilakukan sama ada sepenuhnya atau separa bahagian (bermaksud dari Tahajjud hingga ke Ishraq atau dari Asar ke Isha'). Sudah tentu, mereka tidak dapat laksanakan segalanya pada masa yang suntuk ini. Mereka boleh lakukan ini seberapa banyak yang mereka mampu. Ia harus dihabiskan dengan sempurna dalam empat puluh hari inshaAllah dan kita akan mengecapi fuyudat (kemajuan) inshaAllah.

Keadaan dunia tidaklah stabil (bagus). Semoga khalwat ini menjadi kebaikan untuk diri kita dan semua orang inshaAllah. Semoga kita berada di bawah payung perlindunganNya. Kita telah lakukan niat ini inshaAllah untuk kemajuan Islam, agama Islam dan untuk bertasbih nama Allah ﷻ. Semoga Allah ﷻ menerima amalan kita, semoga Allah menjadi pembantu kita dalam segala urusan dan semoga Allah ﷻ jangan tinggalkan kita bersama ego kita.

Anda tidak boleh berasa bangga ketika memasuki khalwat. InshaAllah, kita lakukan khalwat ini hanya untuk Allah ﷻ. Kita harus bersyukur dan berterima kasih kepada Allah ﷻ kerana mengurniakan kita agar dapat berkhidmat kepadaNya, kita harus bersyukur beribu-ribu kali. InshaAllah, semoga Allah ﷻ permudahkan segala urusan dan janganlah kita ikuti ego kita. Semoga ia (khalwat) menjadi alasan bagi kita untuk mengawal ego kita inshaAllah.

Walhamdu Lillahi Rabbil Alamin.

Al-Fatiha.